



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH
حياتنا خير الحيات والاعمال اكامل الاعمال والسلامة خير السبل

**KHUTBAH JUMAAT
PERTAMA DAN KEDUA**

29 SAFAR 1445H/ 15 SEPTEMBER 2023H

PERPADUAN TERAS KEHARMONIAN MASYARAKAT MAJMUK

Disediakan oleh
Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwat Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)
Dengan Kerjasama
Pejabat Mufti Negeri Sabah

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwat Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 08/09/2023

PEGAWAI PENYEMAK :

ADAM BIN ABDUL HAI

Unit Baitul Hikmah

Bahagian Penyelidikan Dan Informasi

Jabatan Hal Ehwat Agama Islam Negeri Sabah



Monon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 13/09/2023 AWANG JURI BIN AG TAHIR
DIBACA PADA : 15/9/2023 Alan Pengarah (Hal Ehwat Islam)
DILULUSKAN OLEH : Pejabat Hal Ehwat Agama Islam Negeri Sabah

TEKS KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَتَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ

لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَىٰكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ (الحجرات (49):13)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،

وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ....

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ، فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Berikanlah nasihat dan berlapang dada dalam menerima nasihat kerana nasihat itu bermanfaat serta menyedarkan kita daripada kelalaian dan kealpaan. Justeru, khatib berpesan kepada diri khatib sendiri dan juga jemaah Jumaat yang dirahmati agar sentiasa berada dalam landasan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan apa yang dilarang-Nya. Pada hari Jumaat yang penuh kemuliaan ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk:

“PERPADUAN TERAS KEHARMONIAN MASYARAKAT MAJMUK”.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Pada 16 September setiap tahun kita akan meraikan Hari Malaysia sebagai tanda kesyukuran dan ingatan akan sejarah pembentukan negara Malaysia melalui Malaysian Agreement 1963 atau lebih dikenali sebagai *MA63*. Perjanjian Malaysia ini merupakan bukti kebijaksanaan para pemimpin kita yang terdahulu dengan mengangkat semangat perpaduan sebagai teras bagi mewujudkan sebuah negara yang aman, makmur dan merdeka. Justeru, legasi yang diamanahkan oleh generasi pemimpin terdahulu ini hendaklah kita jaga dengan sebaik-baiknya agar dapat kita wariskan kepada generasi yang akan datang.

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Rakyat Malaysia khususnya di negeri Sabah terdiri daripada masyarakat yang berbilang bangsa, suku kaum dan keturunan. Masyarakat majmuk ini merupakan satu daripada identiti negeri Sabah yang harus kita banggakan. Asbab adanya kepelbagaian inilah mengajarkan kita untuk saling mengenali antara satu sama lain. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam surah al-Hujuraat, ayat 13, yang khatib bacakan di awal khutbah:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ
لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَّقَىٰكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Yang bermaksud: “Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, kemudian Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenali. Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang bertakwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti”.

Proses mengenali antara satu sama lain ini sangat penting kerana melalui pengenalan akan lahirnya kesefahaman, dan apabila lahirnya kesefahaman antara kedua-duanya maka akan wujudnya perpaduan serta terciptalah keharmonian dalam kalangan masyarakat majmuk tersebut.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Lembaran sirah Rasulullah SAW menunjukkan kepada kita bahawa perpaduan merupakan tunjang utama yang mesti dipelihara dengan penuh hikmah dan bijaksana bagi mewujudkan sebuah negara yang aman dan harmoni. Ini digambarkan melalui tindakan Rasulullah SAW dengan mempersaudarakan golongan Muhajirin yakni para Sahabat Baginda yang berhijrah dari Makkah al-Mukarramah dengan golongan

Ansar yang merupakan penduduk asal bumi Yathrib yang kini dikenali sebagai Kota Madinah Al-Munawwarah. Maka demikian itu Islam menuntut umatnya untuk saling bersatu padu kerana perpaduan merupakan kekuatan serta kunci kepada keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat. Di dalam sebuah hadith, Rasulullah SAW telah menjelaskan tentang analogi hubungan sesama orang yang beriman **yang bermaksud:**

“(Hubungan) seorang mukmin dengan mukmin yang lain umpama bangunan yang saling memperkukuhkan antara sebahagian daripada mereka dengan sebahagian yang lain”.

(Hadith Muttafaqun A’laih)

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI OLEH ALLAH SWT,

Keharmonian yang dikecapi pada hari ini, terasnya ialah perpaduan yang kita pertahankan sehingga ke saat ini. Namun jangan sampai kita terus terlena kerana berbagai bentuk ancaman mampu mengucar-kacirkan keharmonian ini antaranya ialah sifat taksub dan fanatik terhadap satu-satu perkara sama ada taksub dari aspek ideologi dan pegangan, mahupun taksub dengan bangsa, suku kaum dan keturunan. Justeru Islam melarang kita untuk berlebih-lebihan dalam suatu perkara sebagaimana yang dilakukan oleh umat yang terdahulu sehingga melahirkan perasaan taksub dan fanatik yang mampu membutakan akal

fikiran dalam menimbang sesuatu perkara dengan waras. Firman Allah SWT dalam surah an-Nisaa, ayat 171:

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوا فِي دِينِكُمْ وَلَا تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقَّ ...

Yang bermaksud: *“Wahai Ahli Kitab! Janganlah kamu melampaui batas dalam agamamu, dan janganlah kamu berkata terhadap Allah kecuali yang benar...”*.

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Umum mengetahui bahawa setiap tindakan yang dilakukan pasti akan lahir tindak balas terhadap perbuatan tersebut sama ada tindak balas itu berbentuk positif ataupun negatif. Demikianlah juga dengan kelakuan dan tindakan kita terhadap orang lain. Sekiranya kita menyantuni sesama mereka dengan cara yang baik dan terpuji nescaya perpaduan yang dikecapi akan terus kekal utuh dan diberkati. Namun sekiranya kita menjalin aktiviti Masyarakat sesama mereka dengan cara yang buruk dan keji, nescaya perpaduan yang dijaga rapi akan hancur dan saling berkelahi tanpa henti. Sehubungan dengan itu, Islam mengajarkan kita supaya menjadi umat yang sentiasa adil dalam tindak tanduk kita baik sesama orang Islam mahupun terhadap bukan Islam sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah, ayat 143:

وَكذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ
الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ...

Yang bermaksud: “Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu”.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Menyimpul khutbah Jumaat pada hari ini, sekali lagi khatib ingin berpesan marilah kita sentiasa meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan erti ketaqwaan yang sebenarnya. Hargailah nikmat keharmonian yang kita kecapai pada hari ini dengan memelihara perpaduan yang terbina hasil daripada kebijaksanaan para pemimpin kita yang terdahulu. Lantaran itu, fahamilah akan tiga pesanan yang disampaikan ini:-

Pertama: Genggam eratlah tali persaudaran dan jagalah perpaduan agar perpaduan terus bertahan sehingga kita dapat merasai nikmat keharmonian hidup bermasyarakat sesama kita.

Kedua: Janganlah kita bersifat dengan sifat taksub dan fanatik, kerana kedua-duanya hanya akan melahirkan masyarakat yang berpecah belah, dan menghancurkan keharmonian yang telah disemai indah.

Ketiga: Berlaku adillah dalam keputusan dan tingkah laku kita terhadap semua manusia, kerana tingkah laku yang adil akan menjadikan masyarakat hidup secara aman dan harmoni.

Justeru itu, marilah kita menjaga perpaduan dengan menerapkan nilai-nilai murni dalam diri kita seperti sifat adil, jujur, amanah, kesederhanaan dan seumpamanya. Moga-moga dengan bertunjangan sifat mulia tersebut, pergaulan kita dengan yang lainnya akan sentiasa mesra dan harmoni meskipun berbeza agama dan bangsa. Hal ini kerana perbezaan merupakan tanda kekuasaan Yang Maha Esa yang wajib kita insafi, sebagaimana firman-Nya, di dalam surah ar-Rum, ayat 22:

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ وَالْوَأْنِكُمْ إِنَّ
فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ

Yang bermaksud: *“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang yang berpengetahuan”.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تیک س خطبہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى

مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ اَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَقْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522142 / jheains.penerbitan@gmail.com